

# Memberi tafsiran salah khianati Islam — Dr. M.

UM 30 AUG 1982

**KUNDASANG** (Sabah) 29 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini menegaskan bahawa orang-orang yang memberi tafsiran salah mengenai Islam adalah mereka yang "mengkhianati perkembangan Islam".

Perdana Menteri berkata, dengan menyatakan bahawa Islam adalah agama yang keras yang melarang perbuatan itu ini, orang-orang itu sebenarnya membuat percubaan untuk memburuk-burukkan Islam.

"Percubaan mereka itu bertujuan supaya orang tidak akan memeluk agama Islam dan orang-orang Islam yang lemah imannya akan meninggalkan agama mereka," tambah beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian di majlis mengislamkan 423 orang penduduk Kundasang, kira-kira 129 km dari Kota Kinabalu, pagi ini.

Beliau berada di sini dalam lawatan selama 2 hari ke negeri ini bersama Datin Sri Dr. Siti Hasmah.

Menurut Perdana Menteri, dalam Islam memang terdapat perkara-perkara yang dilarang tetapi tidak ada agama di dunia ini yang tidak mempunyai larangan.

"Larangan itu dibuat oleh agama kerana sebab-sebab tertentu dan ia adalah untuk membawa kebaikan kepada kita," katanya.

Beliau membidas sebilangan guru agama yang salah mentafsir agama mereka dengan menyatakan bahawa Islam melarang bermacam-macam perbuatan termasuk tidak boleh duduk atas kerusi dan menonton televisyen.

Tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, tafsiran itu adalah karut semata-mata dan ia adalah percubaan untuk memburuk-burukkan Islam supaya orang takut kepadanya.

"Orang Islam yang lemah imannya pula mungkin akan meninggalkan agama mereka kerana tafsiran yang negatif itu," tambah beliau.

Beliau menjelaskan, agama Islam adalah pendorong kemajuan dan ia bukan terhad kepada zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan negara-negara Arab sahaja.

"Agama Islam sebenarnya adalah sesuai untuk semua zaman dan semua tempat serta ia adalah fleksibel," tegasnya.

Kepada penduduk-penduduk yang baru menganut agama Islam, Perdana Menteri menggesa mereka mempelajari agama itu secara mendalam.

Pengetahuan mengenai Islam yang mendalam akan membolehkan mereka mengatasi segala cabaran dan ancaman hidup, kata beliau lagi.

Kepada umat Islam seluruhnya, Datuk Sri Dr. Mahathir menggesa bahawa mereka semua hendaklah berusaha dalam segala kegiatan yang dijalankan mereka.

Katanya, walaupun kita boleh menyerahkan kepada Tuhan untuk menentukan hidup, namun kita hendaklah berusaha sendiri terlebih dahulu.

Sekiranya orang Islam sendiri tak ingin berusaha, Tuhan tak akan melayan mereka, katanya.

Menyentuh kebebasan beragama, Perdana Menteri berkata, walaupun Islam menjadi agama rasmi, agama-agama lain dibenarkan dianuti.

Pada sebelah petang tadi, Datuk Sri Dr. Mahathir telah menjalankan upacara pengislaman kepada seramai 755 orang penduduk di Tambunan.

Pagi ini, beliau telah melancarkan kapal Yayasan Lima berharga \$15 juta di limbungan kapal Labuan.

Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datin Sri Dr. Siti Hasmah berlepas pulang lewat petang ini.